

23/03/2002

Kembara puisi Pahang bertamu ke Pekan

Marsli NO

MULAI jam 9 malam, 9 Mac lalu, Dataran Merdeka di bandar diraja Pekan, Pahang yang sekian lama terbiar sepi dimeriahkan dengan gema deklamasi dan lagu puisi apabila penyair, selebriti dan kumpulan Koprata bertandang ke bandar ini sebagai lanjutan acara Kembara Puisi Pahang yang sebelum itu ke Muadzam Shah pada 26 Januari dan Kuantan (9 Februari).

Acara anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pahang dengan kerjasama Pena dan Berita Harian serta turut disokong DPMP, Majlis Kebudayaan Daerah Pekan dan kerajaan negeri Pahang itu, seperti acara di Kuantan dimulai dengan penyampaian sijil oleh Pegawai Daerah Pekan, Datuk Wan Abdullah Wan Salleh kepada wakil Sekolah Menengah Ahmad dan Sekolah Menengah Tengku Abdullah yang menyertai bengkel asas penulisan puisi.

Selepas penyampaian sijil, tampil belia lepasan peserta Khidmat Sosial Negara daerah Pekan dengan dendangan lagu Kaparinyo dan bait puisi mulai berkumandang setelah anak Mohd Azlee, Mohd Adli Shah yang kelihatan berpalsster di dahinya dengan deklamasi puisi Mencari Wira karya Mohd Salleh Rahamad dan abangnya Mohd Hafid Haidir pula mendeklamasikan puisi Tok Janggut karya Rahimidin Zahari.

Kemudian tampil Amaruszati dengan puisi Kitalah Tuan karya Hashim Yaacob dan Catatan Sarah Untuk Hajar.

Belia lepasan Khidmat Sosial Negara daerah Pekan sekali lagi tampil dengan deklamasi puisi Sedarlah dan Doa karya Chairil Anwar gubahan Zubir Ali.

Kehangatan acara diteruskan dengan Koprata tampil dengan lagu pertamanya Dendang Mestika dan Bulan dan Dara.

Selepas Koprata, tampil penulis, Ijamala MN, Hasnah Yusoff, Sutung Umar RS dan Ras Adiba Radzi.

Acara kian hangat dan meriah apabila Hamir Habeed Mohd dari Kuantan tampil dengan puisi dalam bahasa Jepun dan Melayu berjudul Harapan Sadako yang diciptanya di Hiroshima ketika menuntut di sana pada 1994 hingga 1999.

Wakil Pena dan Berita Harian, Sutung yang pada sebelah petangnya mengaku berasa letih namun ketika tampil mendeklamasikan sejumlah puisi kelihatan amat bersemangat dan lantang melontarkan suara.

Begitu juga Ras Adiba. Kalau di Kuantan dia memerlukan bantuan Siso mengiringinya menyanyikan lagu Sese kali, kali ini dengan wajah ceria dan bersemangat bersendirian ke pentas mendeklamasi puisi Seruan karya Baha Zain dengan iringan kesan bunyi oleh pembantunya dan menyanyikan puisi Perjuangan Belum Selesai karya Dr. Mahathir Mohamed.

Jika tiada aral, pada 13 April depan Kembara Puisi Pahang akan berlangsung di Maran.

(END)